

1994



2009

sentiasa bersama mu

ULANG TAHUN SPANCO KE-15

Usia SPANCO 15 tahun

*Khidmat berkualiti jadi teras
Hasil dikaji langkah baru disusun
Matlamat dituju tanggungjawab digalas*

MEMPERBAHARUI KOMITMEN SEIRING 15 TAHUN BEROPERASI

SPANCO lahir 15 tahun lalu dengan matlamat yang tinggi menggunung iaitu menjadi penyedia fleet kenderaan terunggul dan diuruskan secara profesional di Malaysia. Ini bukan kerja mudah – bak kata orang, proses menuju kedewasaan dilalui dengan mencuba dan memperbaiki kelemahan mahupun kesilapan sebelum tergendam hasil kejayaan.

Memasuki tempoh operasi tahun ke-15 juga bererti Syarikat yang umpama sebuah kereta perlu melalui proses 'overhaul' dan 'enlightenment' supaya memiliki daya paku dan keteguhan, misi yang sentiasa jelas serta keupayaan bersaing dengan terus berada di atas landasan ketika menuju matlamat perniagaan.

Ada pihak mengatakan proses ini sebagai penjenamaan semula (rebranding), meremajakan semula (rejuvenate), pembetulan (correction), kembali ke landasan asal atau muhasabah diri. Apapun istilah yang digunakan namun matlamat SPANCO apabila memasuki usia 15 tahun ialah memperbaharui komitmen dan meningkatkan keupayaan untuk menyediakan satu fleet kenderaan terunggul di Malaysia.

Keupayaan SPANCO bertahan 15 tahun semestinya hasil daripada sokongan padu dan keyakinan semua rakan niaga. Pasti sokongan dan keyakinan itu tidak upaya kami untuk membalas semuanya kecuali dengan ucapan jutaan terima kasih. Kami hargai dan sanjungi

semua rakan niaga terutama pelanggan. Bak kata orang, tanpa rakan niaga siapalah SPANCO sekali gus tidak mampu menjadi sebagai penyedia fleet kenderaan yang terunggul di Malaysia, hari ini.

Justeru, sempena Ulang Tahun SPANCO Ke-15 pada tahun ini maka kami suguhkan Edisi Khas 'Sentiasa Bersama Mu' yang antara lain mengimbas kembali langkah pertama kami dan memaparkan misi seterusnya.



2005



2007



2007



2009

Dari Perlis hingga ke Sabah

*Khidmat diberi tanpa batas
SPANCO mara dengan tabah
Komited dan profesional jadi asas*





SEPINTAS LALU – SATU KEJAYAAN UNTUK MALAYSIA

MENGIMBAS kembali detik 21 tahun lalu maka tercatat sejarah yang menunjukkan SPANCO Sdn Bhd diperbadankan pada 16 Ogos 1988. Majoriti ekuitinya dimiliki pemodal Bumiputera. Ia diuruskan dengan penuh berhemah, cekap dan bijak oleh sekumpulan tenaga pengurusan Bumiputera sejak memulakan operasinya pada 1 Januari 1994. Dari detik itulah SPANCO kini berjaya melakar sejarah kecemerlangan operasinya yang mencapai usia 15 tahun.

Struktur pengurusan dan nadi operasi Syarikat ini adalah 100 peratus tenaga kerja anak watan Malaysia. Dari jumlah itu, lebih 70 peratus adalah Bumiputera. Tenaga kerja

Bumiputera ini pula rata-rata golongan yang memiliki kemahiran teknikal dan golongan profesional.

Justeru, SPANCO amat berbangga dengan pencapaian ini. Walaupun dalam usia operasi yang boleh dikatakan masih muda namun SPANCO mahu menyatakan bahawa inilah antara organisasi swasta yang menyahut saranan Kerajaan dengan mengambil tenaga kerja Bumiputera khususnya Melayu dalam bidang perniagaan berteraskan perkhidmatan profesional dan teknologi.

Sememangnya SPANCO amat berjiwa Malaysia. Operasi Syarikat ini yang bermula

di Segambut, Kuala Lumpur dan kini berpindah ke Batu Caves, Selangor adalah meluas ke serata tanah air. Dari utara Semenanjung di Perlis hingga ke selatan di Johor dan SPANCO turut beroperasi di Sabah serta Sarawak.

Bak kata orang - kesilapan menyedarkan akan seseorang manakala pengalaman mematangkan insan. Dengan asas itu maka SPANCO turut menggunakan perisian pengurusan fleet 'proprietor' yang dibangunkan sendiri di dalam negara hasil daripada pengalaman Syarikat sepanjang menjalankan perniagaan ini.

06

sentiasa bersama mu
ULANG TAHUN SPANCO KE-15



Kerajaan cekap negara sejahtera

*Industri pesat ekonomi berkembang
Teknologi tinggi globalisasi diteroka
SPANCO lahir turut menyumbang*



SEGALANYA BERMULA DI SINI

SEJARAH SPANCO bermula sebelum ia diperbadankan lagi pada 1988. Ini bermula pada awal 1980-an apabila Kerajaan Persekutuan memulakan langkah memesatkan lagi sektor perindustrian dan ekonomi melalui pengenalan dasar perbadanan serta dasar pengurusan pihak ketiga. Usaha ini adalah kesinambungan kepada pembangunan pasca merdeka sebelum itu yang rata-rata tertumpu kepada sektor berasaskan pertanian.

Kepemimpinan baru diterajui Tun Dr. Mahathir Mohamad (yang menjadi Perdana Menteri mulai 1982) menyedari bahawa kecekapan pentadbiran awam perlu dipertingkatkan untuk menggerakkan jentera Kerajaan yang bakal berdepan dengan arus globalisasi.

Gandingan sektor awam dan swasta itu berjaya menyatukan langkah secara selari dan bijak dalam sama-sama mendokong aspirasi nasional. Penyatuan usaha, tumpuan, modal dan tenaga ini berjaya selepas terciptanya wadah persefahaman dan permuafakatan kedua-dua sektor itu.

Antara sektor awam yang melalui proses penyusunan semula dengan menerima suntikan modal, kepakaran dan pengurusan swasta ialah Lembaga Letrik Negara (LLN) yang menjadi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Telekom Malaysia (JTM) bertukar kepada Telekom Malaysia (kini TM) dan Jabatan

Perkhidmatan Pos dengan wajah baru Pos Malaysia.

Perbadanan agensi Kerajaan ini yang rata-rata asalnya berorientasikan perkhidmatan dan layanan di kaunter jelas sekali berjaya mencetuskan paradigma dan era baru perkhidmatan kepada orang ramai yang jauh lebih pantas, cekap, mesra dan memuaskan.

Semua ini akhirnya memberi kesan besar kepada Negara apabila dasar berkenaan berjaya mempercepatkan kadar pertumbuhan ekonomi terutama melalui pendapatan kutipan hasil cukai korporat dan perniagaan susulan kepada keuntungan daripada perniagaan dan perusahaan yang semakin bertambah yang kemudian dibelanjakan semula bagi membiayai pelbagai projek pembangunan lain untuk rakyat.




Pembaziran dibendung kecekapan dipertingkatkan

*Usaha berhemah sekat kerugian
Pemikiran digembleng bukti sepakat
SPANCO diwujudkan hasil perbadanan*

PERJANJIAN KONSESI DIPERSETUJUI BERSAMA



1980 - an



2003

MUTU perkhidmatan lebih terjamin sekali gus memuaskan hati pelanggan, itulah antara kelebihan Dasar Perbadanan dan pembabitan pihak ketiga kepada pengguna atau orang ramai yang dilaksanakan Kerajaan pada awal 1980-an. Justeru, Perbadanan Malaysia turut memfokuskan pemerhatian dan melakukan kajian sama ada dasar itu perlu diterapkan dalam pentadbiran serta operasi fleet kenderaan Kerajaan Persekutuan.

Sehubungan itu, pada 1989, kajian dilakukan terhadap fleet berkenaan dan didapati kos senggaraan melebihi jangkaan manakala operasi dan perkhidmatan didapati kurang cekap. Kenderaan usang pula dilupuskan

tanpa nilai.

Hasil kajian itu merumuskan bahawa pengurusan fleet kenderaan Kerajaan tidak cekap dan perlu disusun semula supaya lebih ekonomik serta efisien. Apatah lagi unjuran Jabatan Akauntan Negara ketika itu menunjukkan kos penyenggaraan kereta saloon Kerajaan akan meningkat dua kali ganda dari 1989 ke 1993.

Susulan daripada hasil kajian itu maka Kerajaan mengambil keputusan menyerahkan urusan pembekalan dan penyenggaraan kenderaan fleet Kerajaan Persekutuan kepada pihak yang lebih pakar.

Selepas lebih empat tahun melakukan penilaian, penyelidikan serta perundingan maka Kerajaan Persekutuan dan SPANCO Sdn Bhd akhirnya sepakat ke meja untuk memeterai perjanjian konsesi yang dipersetujui pada Oktober 1993.

Bermula tarikh itu maka bermulalah episod baru dalam hubungan permuafakatan serta kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan SPANCO yang terus berkekalan, utuh serta cukup SINONIM sehingga hari ini.



A nighttime photograph of the National Mosque of Malaysia, illuminated with warm lights. In the foreground, a fleet of cars is parked in two rows: white cars on the left and dark blue cars on the right. The mosque's large central dome and minarets are prominent against the dark sky.

Langkah kanan mulakan perjalanan

*Perancangan strategik wawasan dilakar
Fleet lama diganti langkah permulaan
Dulu mahir, kini SPANCO pakar*

SAIZ FLEET TERUS MENINGKAT

TIGA bulan dalam perniagaan mungkin boleh dianggap sebagai bayi atau setahun jagung bagi rata-rata orang. Namun SPANCO mempunyai keupayaan luar biasa - umpama bayi yang sudah mampu berdiri dan melangkah ketika usia yang sama.

Dalam tempoh tiga bulan selepas perjanjian konsesi ditandatangani, SPANCO bukan sahaja mampu menubuhkan rangkaian servis di seluruh negara malah berupaya mengumpulkan dana bagi membiayai pembelian kenderaan baru.

Antara langkah yang diambil sebaik sahaja perjanjian konsesi dimeterai ialah SPANCO

mengambil alih fleet dengan membeli semua kereta saloon yang digunakan oleh pegawai Kerajaan ketika itu. Pada masa sama, SPANCO melupuskan kereta usang yang melebihi tempoh perkhidmatan dan menggantikannya dengan sebuah fleet yang dibarisi kilauan kereta baru.

Bermula daripada saat itu, jumlah kereta fleet SPANCO terus mengalami pertambahan:

- Sejumlah 2,000 unit pada 1993.
- Meningkat kepada 4,000 unit pada 2000.
- Jumlah meningkat kepada 5,000 unit pada 2005.
- Sekarang ada lebih 9,000 unit kenderaan.

Angka membuktikan betapa keyakinan Kerajaan Persekutuan terhadap mutu perkhidmatan pengurusan fleet kereta oleh SPANCO yang dilakukan secara mahir, profesional serta cekap selain memuaskan hati pelanggan.

SPANCO yang bertatih semasa baru memulakan operasinya kini bagai pelari maraton yang mampu menempuh pelbagai cabaran dalam alam perniagaan dengan tidak ada banyak masalah kerana memiliki organisasi yang cukup kukuh dan digerakkan oleh jentera pengurusan serta operasi yang mahir malah profesional.



012

sentiasa bersama mu
ULANG TAHUN SPANCO KE-15



Mercedes, Volvo diganti Proton

*Tanda sokong produk tempatan
Kejayaan bukan untuk ditonton
SPANCO bangga jadi sebutan*



MENJULANG JENAMA PRODUK NASIONAL

MEMENUHI keperluan pelanggan adalah antara prinsip asas dalam perkhidmatan yang dijudang oleh SPANCO. Justeru, dengan kerjasama Perbendaharaan Malaysia, SPANCO sebagai pihak ketiga yang pakar berupaya menyediakan kenderaan untuk kegunaan agensi, jabatan dan kementerian mengikut apa juga jenis serta model yang dikehendaki.

Pada peringkat awal, SPANCO membekal dan menyenggara kereta Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada tiga jenis model iaitu Mercedes-Benz, Volvo dan Proton. Bagaimanapun, selaras hasrat untuk memartabatkan produk keluaran Malaysia maka peruntukan Mercedes-Benz dan Volvo untuk pegawai kanan Kerajaan dihentikan pada 1997. Sebaliknya, keperluan itu digantikan sepenuhnya dengan Kereta Nasional – Proton Perdana.

Pada hari ini, SPANCO amat berbangga kerana bukan sahaja jumlah kereta bertambah malah semua kereta dalam fleet Syarikat ini terdiri daripada Kereta Nasional yang dikeluarkan oleh Proton. Ternyata dan terbukti, SPANCO telah memartabatkan jenama nasional di persada sewajarnya.


Bermula dengan model Proton Saga, Iswara, Wira dan Perdana yang mengisi senarai fleet SPANCO pada 1994, ruang itu kemudian turut diisi oleh model Proton Waja yang menyusul pada 2002. Ini diikuti model Persona pada 2008 dan terbaru pada 2009 ialah model Saga BLM.

Tekad dan janji SPANCO ialah terus menyokong usaha Kerajaan untuk memartabatkan jenama serta produk Malaysia.



Servis diberi dengan kepakaran

*Anugerah ISO bukti kualiti
SPANCO tempoh ranjau kesukaran
Hasil maju kini dinikmati*



PUSAT SERVIS PENUHI KEPERLUAN PELANGGAN



MASA itu emas dan tanpa berlengah-lengah lagi tiga pusat servis utama serantau memulakan operasi sebaik sahaja perjanjian konsesi ditandatangani antara SPANCO dan Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan perkhidmatan menyedia dan menyenggara kenderaan pelanggan.

Pemilihan lokasi pusat servis serantau itu dibuat berdasarkan kedudukan yang menjadi tumpuan jabatan Kerajaan Persekutuan iaitu satu di Segambut, Kuala Lumpur manakala setiap satu lagi di Kuching, Sarawak serta di Kota Kinabalu, Sabah.

Segambut dipilih sebagai lokasi pusat servis utama kerana kedudukan strategiknya yang tidak jauh daripada Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Jalan Duta, Kuala Lumpur ketika itu. Beberapa blok bangunan dalam kompleks itu diisi dengan pelbagai kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan.

Kemudian, satu sejarah tercatat pada Disember 1999 apabila SPANCO Services Sdn Bhd yang menguruskan pusat servis utama Syarikat ini dianugerahkan sijil piawaian bertaraf antarabangsa ISO 9002:1994. Pencapaian ini pastinya meningkatkan lagi keyakinan pelanggan kepada SPANCO.

Dalam pada itu, sebuah lagi pusat servis utama serantau dibuka di Puchong, Selangor pada Oktober 1999 berikutan pemindahan secara berperingkat beberapa kementerian ke Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya. Ia kemudian dipindahkan ke lokasi lebih sesuai dengan laluan masuk yang lebih mudah iaitu di Bangi, Selangor pada Disember 2003 dan kekal hingga kini.

016

sentiasa bersama mu
ULANG TAHUN SPANCO KE-15

Teknologi dimanfaatkan sistem diterap

*Urusan tersusun kerja pun mudah
Servis cermat hatipun sedap
Kerja teliti elak padah*





2005



2005



PSW BATU CAVES JADI PENANDA ARAS

BAK kata pepatah - yang patah akan tumbuh dan hilang akan berganti. Begitu juga halnya dengan pusat servis utama serantau di Segambut, Kuala Lumpur yang kemudian secara rasmi ditutup selepas lebih 11 tahun beroperasi bagi memberi laluan kepada pusat servis lebih canggih, luas dan sistematik di Batu Caves, Selangor.

Pusat Servis Wilayah (PSW) Batu Caves dibina bagi memenuhi piawaian mutu tertinggi yang ditetapkan dan setanding mana-mana pusat servis kenderaan moden lain di negara ini.

Dibuka pada Julai 2005, PSW Batu Caves menelan kos pelaburan berjumlah RM10 juta. Ia bukan sekadar pusat servis malah sebuah pusat sehenti yang menyediakan pelbagai perkhidmatan di bawah satu bumbung. Konsep ini juga bagi memenuhi keperluan pelanggan selain memudahkan dan memuaskan hati mereka yang memperoleh perkhidmatan hanya di satu tempat sahaja.

Dengan ruang servis lebih luas, bersih dan selesa serta dilengkapi peralatan canggih, termaju malah mesra alam, PSW Batu Caves menjamin pelanggan akan menikmati perkhidmatan yang cekap, pantas dan diyakini. PSW Batu Caves juga bagai mercu SPANCO dan bertindak sebagai pangkalan operasi Syarikat sekali gus di situlah nadi pengurusan fleet profesional dikendalikan setiap hari.

Sebagai bukti keyakinan serta kepercayaan terhadap kewibawaan dan prestasi tenaga kerja SPANCO maka PSW Batu Caves dilantik oleh Proton Edar sebagai wakil servis bertauliahnya sejak pusat servis itu mula beroperasi.

Ringkasnya, PSW Batu Caves menjadi penanda aras kepada tahap perkhidmatan rangkaian pusat servis lain di seluruh negara.



Putrajaya kota pentadbiran

*Panorama indah sepanjang masa
Pelanggan diutamakan jadi slogan
Mereka puas, SPANCO gembira*



prestasi

sentiasa bersama mu
ULANG TAHUN SPANCO KE-15

019

PSW BANGI BERKHIDMAT UNTUK PUTRAJAYA

PERKHIDMATAN diperluaskan, mutu perkhidmatan dipertingkatkan. Atas asas ini maka SPANCO mula menaiktaraf secara berperingkat Pusat Servis Wilayah (PSW) Bangi bagi memenuhi permintaan pelanggan yang kian bertambah terutama fleet dari Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya.

Sebelum ditempatkan di lokasi sedia ada sekarang, pusat servis utama serantau itu beroperasi di Puchong, Selangor sejak Oktober 1999. Bagaimanapun, berikutan perpindahan

lebih banyak kenderaan kementerian ke Putrajaya maka pusat berkenaan telah ditempatkan semula di Bangi pada Disember 2003.

Sejajar dengan peranan penting yang perlu dilaksanakan, tahap perkhidmatan PSW Bangi sentiasa dipertingkatkan. Antaranya:

- Membuka kaunter lebih awal
- Menaiktaraf kemudahan, dan
- Menempatkan lebih ramai tenaga kerja berwibawa serta berkemahiran tinggi.

Jarak perjalanan yang dekat iaitu kira-kira 10 minit dari Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya memberi kelebihan kepada PSW Bangi dalam menyediakan kemudahan dan keselesaan kepada pelanggan yang menerima perkhidmatan SPANCO.



2006



2007

PSD dilantik seluruh negara

*Luaskan khidmat mudahkan pelanggan
Prestasi dipantau piawaian dijaga
Kelemahan dikikis mutu ditingkatkan*



RANGKAIAN PSD SEBAGAI SOKONGAN

SPANCO dan Kerajaan sangat sinonim. Justeru, di mana tertumpunya jabatan Kerajaan maka di situ ada SPANCO. Ini direalisasikan melalui kewujudan rangkaian sejumlah 300 pusat servis diiktiraf (PSD) di seluruh negara bagi menyokong perkhidmatan yang disediakan oleh pusat servis utama serantau SPANCO.

Rangkaian PSD terdapat di setiap pekan dan bandar. PSD ini dilantik daripada kalangan pengusaha bebas selain pemegang francais EON dan Proton Edar. Sejak mula lagi, lantikan PSD dibuat berlandaskan:

- Kriteria pemilihan yang ketat.
- Lantikan yang sentiasa dipantau dan dikaji semula.
- Berpanduan kepada maklum balas pelanggan.


Bagi menjamin pematuan piawaian perkhidmatan, memantau prestasi dan mengukuhkan kerjasama dengan rangkaian PSD, pegawai SPANCO sentiasa melakukan lawatan kerja ke pusat servis. Konvensyen tahunan turut dianjurkan dengan kali pertama pada 1999. Melalui program itu, SPANCO menjemput PSD terpilih untuk melakukan lawatan ke Pusat Servis Wilayah.

SPANCO juga melakukan audit perkhidmatan PSD. Antaranya melakukan penyusunan semula mulai 2004 bagi memastikan hanya PSD yang benar-benar berwibawa sahaja dikekalkan dalam senarai untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan. Sekarang ini ada lebih 230 PSD di seluruh negara yang menawarkan pelbagai perkhidmatan seperti khidmat tunda, servis senggaraan, rombak rawat, mengganti dan membaiki tayar, bateri serta alat pendingin hawa.



Teknologi canggih tingkatkan khidmat

*Komputer diguna ringankan kerja
Hasil sempurna kos pun jimat
Pelanggan senyum hati teruja*



MEMANFAATKAN PERALATAN BERTEKNOLOGI TINGGI

SISTEM dan peralatan berteknologi tinggi menjadi kayu pengukur dalam menilai mutu perkhidmatan dan pengurusan sesebuah organisasi. Ini turut berlaku kepada SPANCO yang mana pelanggan turut menilai prestasi kerja Syarikat ini melalui pelbagai sudut termasuk apakah sistem serta peralatan yang digunakan dalam operasi hariannya.

Justeru, atas kepentingan pelanggan di semua pusat servis maka SPANCO memanfaatkan sepenuhnya penggunaan peralatan canggih dan baik pulih automotif termaju yang sentiasa dikemas kini bagi memberikan hasil servis yang terbaik.

Selain mementingkan soal lokasi pusat servis, SPANCO terpanggil untuk memberikan komitmen tertinggi dan atas rasa tanggungjawab untuk meningkatkan kemudahan servis sekali gus memberi kepuasan kepada pelanggan.

Bagi tujuan itu, sejak ditubuhkan, SPANCO telah membelanjakan lebih RM30 juta untuk pembinaan pusat-pusat servis serta menyediakan kemudahan dan peralatan canggih dalam operasi hariannya.





Internet penghubung di mana juga

*Sistem terkini diguna seharian
Pegawai SPANCO sentiasa siaga
Pelanggan jauh bagi berdepan*

MEMANFAATKAN IT DEMI PELANGGAN KAMI



SPANCO selaku peneraju pengurusan fleet profesional di Malaysia cukup fokus untuk memanfaatkan teknologi maklumat (IT) dalam menguruskan perniagaannya. Ini dibuktikan dengan pelaburan lebih RM6 juta untuk memiliki teknologi dan sistem sejak memulakan operasi 15 tahun lalu.

- 1994 – 1996: Menggunakan sistem Car Fleet Control (CFC) berasaskan DOS.
- 1996 – 2007: Menguatkuasakan sistem pengurusan aset dan fleet bersepadu dikenali sebagai MIMS Open Enterprise (SIKOM).
- 2007 – kini: Mengaplikasikan T9, sistem pengurusan fleet berasaskan Window dan menggabungkan ciri-ciri yang dibangunkan secara dalaman oleh kumpulan pakar SPANCO.

Usaha mempertingkatkan teknologi dan sistem dalam SPANCO didorong oleh komitmen untuk sentiasa memperbaiki tahap operasi dan mencari penyelesaian lebih baik untuk pelanggan.

Malah hari ini, pelanggan boleh mengetahui status terkini kenderaan masing-masing pada bila-bila masa dengan melayari laman web rasmi yang dikenali sebagai SPANCO Fleet Online yang dilancarkan pada Julai 2005.

Sistem ASC e-approval pula diperkenalkan untuk panel pusat servis SPANCO pada Jun 2008 bagi memudahkan mereka mendapatkan kelulusan penyenggaraan dan pembaikan melalui Internet.

026

sentiasa bersama mu
ULANG TAHUN SPANCO KE-15

2001



2003



2001



2003



1998

Khidmat tambahan di luar konsesi

*Tanda SPANCO hargai pelanggan
Bimbing pemandu, taklimat diberi
Urusan fleet adalah keutamaan*



khidmat

sentiasa bersama mu
ULANG TAHUN SPANCO KE-15

027

KHIDMAT TAMBAHAN BERI LEBIH KESELESAAN

KUALITI adalah infiniti. Maksudnya, meningkatkan kualiti adalah usaha yang tidak akan ada had dan berpenghujung. Justeru, SPANCO sentiasa mengkaji semula dan mengemas kini operasi mahupun pengurusan dengan merancang program khidmat tambahan seperti menyediakan latihan untuk pemandu dan taklimat bagi pegawai Kerajaan.

Antara program yang dilaksanakan ialah:

- Kursus Pemanduan Berhemah
- Seminar Ke Arah Kecemerlangan Budaya Kerja
- Taklimat Tatacara Pengurusan Fleet Kenderaan Konsesi

SPANCO turut melakukan usaha untuk memantapkan lagi perkhidmatan dengan memperkenalkan pelbagai perkhidmatan tambahan seperti:

- Bas hantar balik
- Servis cegahan
- Servis bergerak
- Sistem tempahan
- Pemberitahuan melalui SMS
- Majalah 'PRIHATIN – Berita SPANCO'
- Urusan fleet melalui Internet

Terdapat beberapa lagi perkhidmatan yang tidak termaktub di bawah perjanjian konsesi tetapi disediakan semata-mata untuk memberi lebih keselesaan kepada para pelanggan.



PRIHATIN diterbitkan sebagai panduan

*Jadi wadah pelanggan dan pembekal
Artikel membantu tingkatkan keselamatan
Tangani kesulitan dengan cekal*



PRIHATIN WADAH KOMUNIKASI PELANGGAN

SATU lagi komitmen kepada pelanggan dan masyarakat ialah dengan menerbitkan majalah PRIHATIN yang memaparkan berita SPANCO. Majalah yang diterbitkan setiap tiga bulan ini menjadi wadah komunikasi dalam memperkukuhkan keakraban perhubungan dengan pelanggan dan pembekal.


Nama 'PRIHATIN' dipilih bagi mencerminkan kepekaan dan keprihatinan SPANCO dalam menyediakan perkhidmatan pengurusan fleet kenderaan kepada Kerajaan Malaysia.

Majalah terbitan mulai 1998 itu turut memuatkan pelbagai artikel panduan berkaitan penjagaan

kereta, pemanduan selamat, sikap positif ketika memandu, mengesan masalah kereta serta panduan menangani pelbagai masalah kerosakan kecil atau kecemasan ketika dalam perjalanan.

Pastinya artikel dalam PRIHATIN disediakan oleh mereka yang pakar. Ia disusun dan diolah secara ringkas tetapi jelas serta berkesan.

Hasil dan kesannya, pembaca turut merasai peningkatan dalam kemahiran memandu serta cara mengurus kerosakan kecil seterusnya menjadikan mereka pemandu yang bermaklumat selain berdisiplin.



Modal insan aset syarikat

*Kerjaya digilap semangat ditingkat
SPANCO hargai pekerja sepakat
Syarikat maju mendapat berkat*





si & latihain

sentiasa bersama mu
ULANG TAHUN SPANCO KE-15

031

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

MEMANDANG rakan sekerja mesti dengan rasa tulus dan akrab sambil mengakui mereka adalah aset Syarikat selain modal wang ringgit. Tenaga dan kemahiran merekalah yang akan menggerakkan sistem pengurusan dan operasi Syarikat. Tanpa rakan sekerja yang komited, setia dan dedikasi maka tiadalah SPANCO yang berdiri gagah di atas persada industri pengurusan fleet nasional ketika ini.

Menyedari modal insan adalah aset tidak ternilai Syarikat maka SPANCO melaksanakan pelbagai program latihan bagi memantapkan kemahiran dan kepakaran mereka supaya perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan adalah yang terbaik.

Antara program itu ialah latihan berterusan dalam pengendalian peralatan pembaikan automotif yang terbaru supaya kemahiran rakan sekerja terutama juruteknik adalah selaras dengan perkembangan industri semasa.

Malah Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) turut mengiktiraf dan memberi kepercayaan kepada SPANCO untuk mengendalikan Kursus Pensijilan Kemahiran Kenderaan Motor Tahap 1 dan Tahap 2 masing-masing pada Julai 2000 serta November 2001.

Ringkasnya, SPANCO komited untuk menjayakan program latihan secara berterusan bagi mencapai matlamat pembangunan kerjaya kakitangannya bagi tempoh jangka panjang.



ISO dan AfMA jadi sandaran

*Khidmat berkualiti untuk pelanggan
Sistem dan teknologi dipertingkatkan
Tekad murni tetap diteruskan*





2000

MENEMPAH PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA

TIADA kompromi dan tangguh-tangguh dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan. Justeru tekad murni SPANCO itu disusuli dengan langkah awal 1999 untuk mendapatkan sijil piawaian kualiti pengurusan antarabangsa daripada International Organization for Standardization (ISO).

Misi dimulakan dengan penubuhan satu jawatankuasa pelaksanaan ISO. Hasilnya sijil piawaian ISO 9002 dianugerahkan kepada SPANCO pada Disember 1999 sekaligus menjadi syarikat pertama di Malaysia meraih pengiktirafan itu dalam bidang 'Fleet Kenderaan Penyelenggaraan dan Servis'.

Pada 2002 pula, SPANCO berjaya meningkatkan tahap pensijilan daripada ISO 9002 kepada ISO 9001:2000.

Kemudian SPANCO berjaya menjadi ahli Persatuan Pengurus Fleet Australasia (AfMA) pada 2005 dan mendapat akses kepada piagam pengurusan fleet antarabangsa bagi menyemak, meneliti dan memperbaiki sistem, prosedur mahupun teknologi yang diaplikasi oleh Syarikat.

Misi untuk menggenggam sijil ISO dan keahlian AfMA adalah selaras dengan tekad SPANCO untuk sentiasa mengutamakan mutu servis sekali gus memberi lebih keyakinan pelanggan kepada Syarikat.

034

sentiasa bersama mu
ULANG TAHUN SPANCO KE-15



Untung dikongsi masyarakat diutama

*Susah dibantu sakit dibela
SPANCO ikhlas bantu warga
Biar sedikit sama merasa*



BUDAYA PRIHATIN, PENYAYANG JADI AMALAN

MENDAMPINGI dan berbakti kepada masyarakat yang turut dianggap sebagai rakan niaga SPANCO, menjadi amalan sejak sekian lama. Pasti golongan sasar ialah warga terpinggir dan kurang berkemampuan yang menagih simpati serta sokongan emosi mahupun material.

Melalui Kelab Sukan SPANCO, beberapa siri lawatan dilakukan ke rumah kebajikan warga emas, orang kurang upaya serta anak yatim. Antaranya:

- Rumah Sejahtera Jenjarum
- Rumah Anak-Anak Yatim Al-Khairiah, Klang
- Asrama Damai, Kuang
- Tasputra Perkim, Jalan Ampang, Kuala Lumpur; dan
- Kompleks Anak Yatim Darul Kifayah, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.

Pembabitan lain adalah dalam program kebajikan dan kemasyarakatan seperti:

- Kempen derma darah

- Kempen keselamatan jalan raya
- Bantuan mangsa tsunami 2004
- Menganjurkan Sayembara Cerpen Remaja Perpaduan
- Pertandingan Fotografi Perpaduan.

SPANCO menyedari sebahagian daripada keuntungan perniagaan perlu dikongsi bersama manakala sebahagian lagi dipulangkan semula kepada masyarakat.



15 tahun ce

TEMPA SEJARAH
CEMERLANG 15 TAHUN

LANGKAH bermula dengan tapak pertama untuk memulakan perjalanan yang dinamakan perniagaan. Sepanjang rona, liku, cabaran dan kegetiran yang dilalui itu berjaya menjadikan kelompok tenaga kerja SPANCO cukup gigih, komited, mahir serta berpengalaman. Berikut adalah antara peristiwa besar sepanjang perjalanan operasi SPANCO mulai 1989 hingga 2009:

Bukan mudah perkara mudah

*Perkara niaga bukan mainan
Kini maju selepas susah
SPANCO cemerlang berkat ketabahan*



Perjanjian konsesi antara
Kerajaan Malaysia
dengan SPANCO.
1993



Sistem MIMS Open
Enterprise (SIKOM)
dilaksanakan.
1996

1989

Perbadanan Malaysia
melakukan kajian
terhadap fleet Kerajaan
Persekutuan.



1994

SPANCO
memulakan
operasi.



1999

PSW Puchong
dibuka.



merlang

sentiasa bersama mu
ULANG TAHUN SPANCO KE-15

037



*Sijil ISO 9002:1994
dianugerahkan kepada
SPANCO Services Sdn Bhd.*
1999



*PSW Puchong
ditempatkan semula
ke Bangi, Selangor.*
2003



*PSW
Batu Caves
beroperasi.*
2005



*ASC e-Approval
dilaksanakan di pusat
servis diiktiraf.*
2008



2002

*Sijil ISO 9001:2000
dianugerahkan kepada
SPANCO Services Sdn Bhd.*



2004

*Perjanjian tambahan
dalam perjanjian konsesi
dimeterai di Putrajaya.*



2007

*Sistem pengurusan
fleet T9 dilancarkan.*



2009:

*Customer's Dashbord
dilaksanakan.*



038

sentiasa bersama mu
ULANG TAHUN SPANCO KE-15

Pelbagai perubahan dilakukan

*Pelbagai kemajuan dinikmati
SPANCO bukan gurauan
Gemilang hebat bervisi*



788987 245751

SPANCO MENERUSKAN VISI

SETELAH memasuki tempoh 15 tahun operasi, SPANCO kini memiliki kilauan fleet lebih 9,000 kenderaan. Ini satu pencapaian cemerlang malah luar biasa bagi sebuah syarikat seperti SPANCO.

Semua ini hasil daripada kejayaan SPANCO yang memiliki perancangan strategik, tenaga kerja yang dedikasi dan berkemahiran, pengurusan profesional serta peralatan berteknologi tinggi.

Dan, satu faktor yang tidak akan diabaikan malah terus diberi keutamaan ialah menjalin hubungan

baik dan mendampingi segenap rakan niaga iaitu pelanggan, pemegang saham, pembekal, rangkaian pusat servis diiktiraf, pihak berkuasa, masyarakat dan tidak ketinggalan ialah keakraban dengan kakitangan sendiri yang menjadi antara modal terbesar Syarikat.

Lahirnya SPANCO turut memberi impak besar kepada Bumiputera dan ini akan dipastikan berterusan. Ini tekad bulat dan janji SPANCO yang kini mampu berdiri teguh serta meneruskan persaingan.

Kini SPANCO:

- Memiliki fleet kenderaan terbesar di Malaysia.
- Mencapai tahap kenderaan boleh gerak melebihi 97 peratus.
- Menyediakan bantuan kecemasan 24 jam.
- Menyediakan talian bebas tol 1-800-88-6999.
- Meneruskan visi menjadi penyedia dan pengurus fleet terbaik nasional.





SPANCO SDN BHD (172957-U)
NO. 2, JALAN PERUSAHAAN 2, KAW. PERUSAHAAN BATU CAVES, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN
■ TEL : 03 - 6192 8888 ■ FAKS : 03 - 6192 8999
■ EMEL : prihatin@spanco.com.my
■ WEB : www.spanco.com.my